

Negara maju 2020 mampu dicapai: PM

B.H m/s 2 27.4.07

KUALA LUMPUR: Kerajaan yakin negara akan mencapai status negara maju menjelang 2020 kerana kedudukan ekonomi negara semakin kukuh dengan jumlah dagangan antarabangsa sudah menjangkau lebih RM1 trilion tahun lalu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang sentiasa bekerja keras untuk terus mempertingkatkan ekonomi negara akan berusaha untuk mempersiapkan negara dalam menghadapi sebarang cabaran yang semakin bersifat global.

Katanya, pertumbuhan angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semakin memberangsangkan dan pelbagai projek juga giat digerakkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi memastikan kelancaran momentum pembangunan negara.

“Dalam usaha memacu pembangunan negara secara mapan dan teratur, kerajaan mengatur pelbagai strategi terbina kukuh di atas tiga tonggak utama iaitu sektor pertanian, perkhidmatan serta pertanian,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan serta rakyat Malaysia pada istiadat pertabalan Tuanku Mizan Zainal Abidin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13, di Istana Negara, semalam.

Abdullah berkata, sektor perkhidmatan terus diberi perhatian sebagai tonggak kedua ekonomi dan kerajaan mengatur langkah melonjakkan Malaysia sebagai hab perkhidmatan serantau bagi pelbagai jenis perkhidmatan, termasuk pendidikan, kesihatan serta perbankan Islam.



PENUH ISTIADAT: Abdullah mempersembahkan ucapan tahniah dan ikrar pada istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam.

Katanya, bagi menambah daya saing ekonomi negara sektor pertanian akan diperkasakan dan kerajaan giat dalam usaha melaksanakan program pertanian baru yang berteraskan pengeluaran moden dan penambahan nilai tinggi.

Abdullah berkata, dalam konteks pembangunan yang lebih saksama, kerajaan juga sedang giat mengusahakan perancangan beberapa kori-

dor pembangunan di Selatan Johor, Utara dan Timur Semenanjung, serta di Sabah dan Sarawak.

Katanya, koridor pembangunan di bahagian Utara dan Timur Semenanjung kini dalam peringkat akhir perancangan dan dilancarkan sebelum akhir tahun ini, sementara koridor pembangunan Sabah dan Sarawak berada pada peringkat perancangan dan dilancarkan secepat mungkin.

“*Kerajaan mengatur pelbagai strategi terbina kukuh di atas tiga tonggak utama*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri